



UNIVERSITI KUALA LUMPUR
Malaysia France Institute

FINAL EXAMINATION
JANUARY 2014 SESSION

SUBJECT CODE : MPU 3333
SUBJECT TITLE : ISU-ISU KONTEMPORARI MUSLIM DI MALAYSIA
LEVEL : BACHELOR
TIME / DURATION : (2 HOURS)
DATE :

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

1. Please read the instructions given in the question paper **CAREFULLY**.
 2. This question paper is printed on both sides of the paper.
 3. Please write your answers on the answer booklet provided.
 4. Answer should be written in blue or black ink except for sketching, graphic and illustration.
 5. This question paper consists of **TWO (2)** section. Section A and section B. Answer all questions in Section A and **ONE (1)** question in section B.
 6. Answer all questions in Bahasa Melayu.
-

THERE ARE 8 PAGES OF QUESTIONS, EXCLUDING THIS PAGE.

BAHAGIAN A (Jumlah: 40 markah)**ARAHAN: Jawab SEMUA soalan.****Sila guna buku jawapan yang disediakan.**

1. Sebelum kedatangan Islam ke Tanah Melayu, masyarakat secara umumnya terpengaruh dengan ajaran agama berikut
 - A. Hindu-Buddha.
 - B. Buddha.
 - C. Hindu.
 - D. Animisme.

2. Hubungan perdagangan secara langsung Tanah Melayu melalui kedatangan pedagang Arab dan Parsi melibatkan jual-beli barangan berikut **kecuali**
 - A. Lada.
 - B. Rempah.
 - C. Setinggi.
 - D. Kapur baru.

3. Kesan pertapakan Islam di Asia Tenggara seperti di Pantai Barat Sumatera dan Jawa berlaku semasa zaman pemerintahan
 - A. Bani Andalusia.
 - B. Bani Muhammad al-Fateh.
 - C. Turki Uthmaniyyah.
 - D. Bani Umayyah.

4. Penemuan batu nisan jenis batu Aceh pada abad ke-16 yang membuktikan kedatangan Islam ke Tanah Melayu telah ditemui di
 - A. Kampung Kemuning.
 - B. Kampung Pulau Meranti.
 - C. Kampung Beruas.
 - D. Kampung Sementah.

5. Penemuan dinar emas di Kelantan yang tertulis al-Mutawakkil dan al-Julus Kelantan bertarikh 557/ 1181 telah ditemui di daerah
 - A. Penambang.
 - B. Bachok.
 - C. Kuala Besar
 - D. Wakaf baharu.

6. Perkembangan Islam berlaku secara besar-besaran selepas kejatuhan kerajaan Abbasiyah di Baghdad dilakukan sendiri oleh anak-anak tempatan Nusantara sendiri dan dibantu oleh para pendakwah Arab dan juga
 - A. India Muslim.
 - B. Cina Muslim.
 - C. Parsi Muslim.
 - D. Vietnam Muslim.

7. Ramai anak-anak tempatan pergi menuntut ilmu di Mekah dan apabila pulang ke tanah air, mereka bergiat aktif menyebarkan Islam kepada penduduk tempatan. Perkembangan ini berlaku pada abad
- A. ke-13 dan 14. C. ke 15 dan 16.
B. ke-14 dan 15. D. ke-16 dan 17.
8. Penemuan sekeping dinar emas di Kota Kubang Labu, Kelantan yang bertulis “al-Julus Kelantan 577 H/ 1181 menyamai zaman pemerintahan kerajaan Islam
- A. Khulafa’ al-Rasyidin. C. Khilafah Abbasiyah.
B. Khilafah Umayyah. D. Khilafah Uthmaniyyah.
9. Kerajaan Kelantan dipercayai diperintah oleh kerajaan Islam pada tahun 1412 ketika dilawati oleh sebelum laksamana Cheng Ho atau nama lainnya ialah
- A. Heng Zhe. C. Zhong Chen.
B. Zheng He. D. He Zheng.
10. Raja Champa atau Kemboja yang dikatakan pernah menuntut ilmu agama Islam di Kelantan sebelum menaiki takhta pada 1577-1637 ialah
- A. Po Mome. C. Rome Po.
B. Po Rome. D. Po Remo.
11. Terengganu sudah menerima Islam sejak abad ke-11 dan telah lama berhubung dengan Khmer dan
- A. Vietnam. C. Burma.
B. Siam. D. Champa.
12. Penemuan artifak abad ke-13 iaitu sebuah tembaga purba yang bertulis ayat-ayat al-Quran di Terengganu bertarikh 652 Hijrah/1254 Masihi adalah dalam bentuk
- A. alat pertahanan diri.
B. alat pelaksanaan hukuman Islam.
C. alat pemerintahan istana.
D. alat perhiasan dinding.

13. Berikut ialah para ulama luar yang turut kembangkan ajaran Islam di Terengganu **kecuali**
- A. Haji Wan Mohammad Amin Wan Yaakob.
 - B. Tok Syaikh Qadi.
 - C. Haji Wan Abdullah.
 - D. Tok Kenali.
14. Ulama daripada Arab yang turut mengembangkan ajaran Islam di Terengganu ialah Sayid Muhammad Zainal Abidin al-Idrus yang juga terkenal dengan dengan gelaran
- A. Tok Ku Tuan Besar.
 - B. Tok Ku Qadhi Besar.
 - C. Tok Ku Paloh.
 - D. Tok Ku Syaikh Duyung.
15. Ulama yang terlibat dalam menggubal Perlembagaan Islam Terengganu pada 2 November 1911 (*Itqan al-Muluk bi Ta'dil al-Suluk*) ialah
- A. Tok Ku Tuan Besar.
 - B. Tok Ku Qadhi Besar.
 - C. Tok Ku Paloh.
 - D. Tok Ku Syaikh Duyung.
16. Ideologi yang menganjurkan supaya agama dijauhkan daripada memandu kehidupan manusia, Sebaliknya, manusialah yang menyusun dan membentuk sistem kehidupan yang diingini merujuk kepada fahaman atau ideologi berikut
- A. Pluralisme.
 - B. Feminisme.
 - C. Hermeneutika.
 - D. Sekularisme.
17. Ideologi yang mengajak ke arah merubah orientasi tafsir Al-Quran yang selama ini menjadi tradisi umat Islam dari zaman berzaman merujuk kepada fahaman atau ideologi berikut
- A. Pluralisme.
 - B. Feminisme.
 - C. Hermeneutika.
 - D. Sekularisme.
18. "Kumpulan yang terdiri daripada 13 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) ditubuhkan untuk menegakkan Rukun Negara ketiga iaitu keluhuran Perlembagaan dan menggalakkan kebebasan beragama di Malaysia".
Pernyataan di atas merujuk kepada fahaman atau ideologi berikut
- A. Suruhanjaya antara agama (IFC).
 - B. SIS forum Malaysia (Berhad).
 - C. Kumpulan Artikel 11.
 - D. Transcendent Unity Of Religions (Pluralisme).

19. “Semua agama dunia adalah setaraf, tidak ada agama yang satu-satunya benar. Semua agama baik dan benar serta menuju kepada kebaikan”.
Pernyataan di atas merujuk kepada fahaman atau ideologi berikut
- A. Pluralisme. C. Hermeneutika.
B. Feminisme. D. Sekularisme.
20. Khilafah terakhir Islam di Turki Jatuh 1924 setelah digulingkan oleh Mustafa Kamal Atatürk dengan disokong oleh pihak
- A. Amerika. C. Israel.
B. Jerman. D. British.
21. Berikut adalah sebahagian daripada falsafah kepenggunaan dalam Islam **kecuali**
- A. Pemilikan. C. Kemaslahatan.
B. Pengabdian. D. Keupayaan.
22. Gelagat pengguna dibentuk dengan baik serta mengawal kehendak yg tidak terbatas secara terpinpin berpandukan peraturan dan kawalan syarak. Prinsip tersebut merujuk kepada falsafah kepenggunaan berikut.
- A. Pemilikan. C. Kemaslahatan.
B. Pengabdian. D. Amanah.
23. Pilih prinsip yang **salah** dalam industri halal dan haram mengikut Islam
- A. Niat yang baik menghalalkan yang haram.
B. Hindari syubhat agar tidak jatuh dalam perkara haram.
C. Perkara halal dan haram bersifat universal.
D. Keadaan darurat mengharuskan yang haram.
24. Tindakan seorang ulama mujtahid rumuskan sesuatu hukum dan nilai melalui kaedah *istinbat* dalam persoalan kewangan dan perbankan Islam dinamakan
- A. Qiyas. C. Ijtihad.
B. Ijma'. D. Irtikab.
25. Dalam mekanisme operasi Wadi'ah pihak bank akan memberikan keuntungan akaun jika ada berasaskan konsep berikut
- A. Fi. C. Hibah (dividen).
B. Sedekah. D. Faedah tetap.

26. Pilih ciri yang **salah** mengenai Mudharabah
- A. Kerugian yang dialami ditanggung oleh pemilik modal.
 - B. Kerugian yang dialami ditanggung oleh pengusaha.
 - C. Konsep perkongsian bersama di antara pemilik modal dan pengusaha
 - D. Keuntungan yang didapati akan dibahagikan mengikut nisbah yang dipersetujui bersama.
27. Dalam pembelian barangan atau aset melalui kaedah Bai Bithaman Ajil, akad jualbeli barangan atau aset berlaku di antara pembeli dengan pihak berikut
- A. Syarikat penjual kereta.
 - B. Syarikat insuran kereta.
 - C. Bank pembiaya.
 - D. Wakil penjual kereta.
28. Dalam transaksi Bai Bithaman Ajil harga barangan didapati lebih mahal daripada harga asal atas sebab berikut
- A. Transaksi jualbeli dibuat melalui pihak ketiga.
 - B. Pembayaran barangan dibuat secara tertanggung.
 - C. Pembayaran dibuat secara bentuk pinjaman.
 - D. Transaksi jualbeli dibayar melalui pendahuluan.
29. Dalam transaksi Ijarah Thumma Bai' terdapat dua kontrak berasingan yang dilakukan oleh pihak pengguna iaitu kontrak
- A. Wadi'ah dan Bai'.
 - B. Ijarah dan wakalah.
 - C. Wadi'ah dan Mudharabah.
 - D. Ijarah dan Bai'.
30. Berikut adalah bentuk transaksi yang berlaku dalam Ijarah Thumma Bai' **kecuali**
- A. Bank pajakkan barangan atau aset kepada pengguna untuk tempoh tertentu.
 - B. Pengguna akan bayar sewa ijarah barangan untuk tempoh tertentu.
 - C. Pengguna bayar sewa bulanan ijarah kepada bank untuk tempoh tertentu
 - D. Pada awal tempoh pajakan, bank akan jual barangan kepada pengguna.
31. "Seseorang (prinsipal) melantik pihak lain bagi bertindak mewakili dirinya (sebagai ejen) untuk melaksanakan tugas-tugas khusus. Contohnya, seorang pelanggan meminta bank membuat pembayaran kepada pihak lain di bawah syarat-syarat tertentu. Pernyataan di atas merujuk kepada urusan berkaitan
- A. Wadi'ah.
 - B. Mudharabah.
 - C. Wakalah.
 - D. Ijarah.

32. Unsur-unsur berikut mesti dielakkan dalam urusan perbankan Islam untuk memastikan transaksi yang halal **kecuali**
- A. Gharar. C. Riba.
B. Margin untung. D. Judi.
33. Pilih pernyataan yang **salah** berkaitan konsep Qardh (hutang).
- A. Pinjaman diberi untuk satu tempoh tetap atas semangat ihsan.
B. Peminjam hanya perlu bayar balik jumlah pinjaman sebenar.
C. Bayaran balik serta lebih berdasarkan budi bicara peminjam dibolehkan.
D. Pemberi pinjam tidak seharusnya letakkan tempoh masa bayaran tertentu.
34. Berikut adalah perkara-perkara yang perlu dan boleh dilaksanakan sebelum pembahagian harta pusaka difaraidkan **kecuali**
- A. Belanja pengurusan jenazah seperti urusan kubur, kafan dan kebumi.
B. Menjelaskan hutang si mati seperti haji, fidyah, zakat dan nazar.
C. Pembahagian harta sepencarian suami dan isteri.
D. Pembahagian wasiat melebihi 2/3 daripada harta.
35. “Dokumen yang mempunyai kuatkuasa undang-undang yang membolehkan seseorang tentukan cara dan bagaimana harta dibahagi setelah berlaku kematian“. Pernyataan di atas merujuk kepada dokumen berkaitan
- A. Hibah. C. Faraidh.
B. Murabahah. D. Wasiat.
36. Pilih pernyataan yang **salah** mengenai konsep dan profesion perubatan serta rahmat serta kasih sayang Allah SWT terhadap hamba-hambaNya.
- A. Amalan perubatan membawa manusia dekat kepada belas kasihan Allah SWT.
B. Amalan perubatan adalah satu ibadat dan kebajikan selain daripada kerjaya untuk mencari rezeki.
C. Rahmat Allah SWT tidak akan sampai kepada manusia yang jahat, busuk hati dan kurang keimanannya..
D. Menyediakan perkhidmatan perubatan satu tuntutan fardu kifayah yang boleh disempurnakan oleh mereka yang mempelajari ilmu perubatan.

- 37.. Tindakbalas kimia dalam proses fermentasi perlukan enzim yang didapati daripada bahan-bahan berikut **kecuali**
- A. budu.
 - B. susu masam.
 - C. kacang soya.
 - D. mentega.
38. Pilih pernyataan yang **salah** berkaitan proses fermentasi dalam bidang pemakanan.
- A. Proses yang melibatkan pemecahan bahan organik yg kompleks kepada bahan ringkas.
 - B. Proses yang menggunakan sel organisma, sel-sel bakteria, tumbuhan atau haiwan untuk hasilkan produk.
 - C. Proses pemindahan maklumat genetik, teknologi DNA rekombinan di mana DNA atau gen dipindah dari satu organisma ke satu organisma yang lain.
 - D. Proses yang melibatkan pemecahan bahan organik yg ringkas kepada bahan yang bersifat kompleks.
39. Muzakarah Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan pada tahun 1982 telah mengharuskan derma darah. Berikut adalah beberapa ketetapan yang dikeluarkan sebagai panduan oleh Jawatankuasa tersebut **kecuali**
- A. Perlu diasingkan darah yang didermakan daripada orang Islam dan bukan Islam.
 - B. Penghargaan dalam bentuk bayaran kepada penderma darah adalah tidak digalakkan.
 - C. Terdapat nas yang sorih daripada al-Quran dan as-Sunnah yang nyatakan keharusan hukum penggunaan darah manusia dalam bidang rawatan.
 - D. Darah yang mengalir itu walaupun haram dari segi syarak, tetapi dengan berpandukan keadaan darurat membolehkannya digunakan dalam bidang perubatan dan harus diambil manfaat daripadanya.
40. Pilih pernyataan yang **salah** berkenaan konsep perubatan dalam Islam.
- A. Islam haruskan rawatan atau perubatan dengan benda yg haram dan najis apabila tidak didapati ubatan atau benda yang suci.
 - B. Asas peristiwa yang menjadi sandaran hukum kepada keharusan derma organ ialah berdasarkan kisah Rasulullah SAW bersama Ibnu Umar.
 - C. Al-Qardhawi rumuskan bahawa pendermaan organ tergolong sebagai satu daripada tiga amalan yang akan berikan pahala berterusan selepas mati.
 - D. Pendermaan organ dianggap amalan yang setaraf dengan sedekah jariah.

BAHAGIAN B (Jumlah: 20 markah)**Soalan 1**

Terangkan konsep mut'ah dalam kes perceraian dan huraikan **TIGA** tujuan perlaksanaannya.

(20 markah)

Soalan 2

Huraikan keperluan etika Islam dalam bidang sains dan teknologi dan kemukakan **TIGA** nilai utama dalam sains dan teknologi.

(20 markah)

Soalan 3

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Sesungguhnya perkara yang halal itu jelas, dan yang haram itu jelas, dan di antara kedua perkara tersebut ada perkara-perkara yang samar (syubhat), yang kebanyakan manusia tidak mengetahuinya”.

Terangkan konsep syubhat dalam kepenggunaan Islam dan kemukakan **ENAM** kriteria asas baik dan buruk sesuatu barangan menurut syariah.

(20 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT